



9 Julai 2026

**KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC
BAGI PEMBENTANGAN PENYATA PAC BERHUBUNG PENGURUSAN
KENDERAAN KERAJAAN DI BAWAH PERJANJIAN KONSESI DI BAWAH
KEMENTERIAN KEWANGAN**

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata PAC berhubung Pengurusan Kenderaan Kerajaan di bawah Perjanjian Konsesi di bawah Kementerian Kewangan. Penyata ini dihasilkan di bawah bidang kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(c), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2025 yang mendapati bahawa pengurusan kenderaan konsesi adalah kurang memuaskan atas beberapa perkara, iaitu:
 - a. Syarikat konsesi iaitu SPANCO Sdn. Bhd lewat membekalkan kenderaan kepada Kerajaan;
 - b. Kerajaan gagal mengenakan penalti atas kelewatan pembekalan ini; dan
 - c. Kelewatan penggantian kenderaan menyebabkan Kerajaan terpaksa berbelanja lebih tinggi kerana perlu membayar kos penyelenggaraan yang lebih besar akibat penggunaan kenderaan konsesi yang telah tamat tempoh pajakan.
2. Prosiding telah diadakan bagi mengenal pasti punca-punca dapatan LKAN 3/2026, apa tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan, serta penyelesaian terbaik bagi menangani isu ini demi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas akibat kelewatan pembekalan kenderaan oleh syarikat konsesi.
3. Sebanyak tiga prosiding telah diadakan bermula pada 3 November 2025 hingga 18 November 2025. Saksi yang telah dipanggil untuk memberi keterangan adalah dari:

- a. Kementerian Kewangan (MOF);
 - b. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - c. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - d. Kementerian Pertahanan (MINDEF); dan
 - e. Syarikat SPANCO Sdn. Bhd.
4. Hasil daripada siasatan sepanjang prosiding ini, PAC merumuskan perkara seperti berikut:
- a. Terdapat kelemahan dari segi pengurusan kontrak oleh MOF selaku kementerian yang menguruskan perjanjian konsesi bagi pihak Kerajaan Persekutuan (berkuat kuasa selama 15 tahun dari 31 Julai 2022 hingga 30 Julai 2037) khususnya pada fasa awal tempoh kuat kuasa kontrak. PAC mendapati ada jurang komunikasi antara MOF dengan kementerian dan agensi pengguna kenderaan konsesi, berlakunya kecelaruan dalam takrifan tempoh mula pengenaan penalti, dan MOF telah gagal untuk mengedarkan dokumen kontrak kepada kementerian dan agensi pengguna. Ini menyebabkan Kerajaan lewat untuk mengutip penalti kelewatan pembekalan kenderaan bernilai jutaan ringgit daripada SPANCO Sdn. Bhd.
 - b. Terdapat perbezaan ketara antara anggaran penalti asal kelewatan pembekalan kenderaan yang dibuat oleh audit (RM54.51 juta) dengan amaun yang disemak bersama kementerian dan agensi pengguna (RM18.7 juta) bagi 27 kementerian (tidak termasuk KDN). Sebahagian kelewatan dipengaruhi oleh kelemahan pengurusan Kerajaan sendiri seperti perubahan varian model kenderaan, birokrasi agensi Kerajaan, pendaftaran nombor khas kenderaan, keperluan pemasangan peralatan khusus operasi, serta bencana luar jangka seperti kebakaran kapal kargo pengangkut kenderaan, yang mana di bawah klausa perjanjian konsesi mengecualikan SPANCO Sdn. Bhd. daripada dikenakan penalti.
 - c. Berlakunya pembaziran wang Kerajaan berjumlah RM28.79 juta akibat kelewatan penggantian kenderaan yang telah tamat tempoh pajakan. Disebabkan kenderaan baharu lewat tiba, kementerian dan agensi pengguna

terpaksa meneruskan pajakan sewaan lama bagi 5,323 buah kenderaan melebihi tempoh 48 hingga 60 bulan asal. Kerajaan terpaksa membayar kos sewaan tetap bulanan penuh beserta kadar kos penyelenggaraan bulanan (*repairs and maintenance*) yang jauh lebih mahal, berbanding jika kenderaan digantikan dengan kenderaan baharu yang mempunyai kos penyelenggaraan tahun pertama yang jauh lebih rendah.

- d. Kelewatan pembekalan kenderaan khususnya Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) iaitu kenderaan kegunaan menteri dan pegawai kanan tidak menjejaskan fungsi utama penyampaian perkhidmatan awam dan keselamatan negara secara kritikal. Walau bagaimanapun, kelewatan penggantian KRJ telah mengakibatkan kementerian dan agensi pengguna terpaksa menanggung kos implikasi kewangan luaran tambahan yang tidak perlu melalui penyewaan kereta luar komersial menggunakan peruntukan sedia ada (OS) kementerian atau agensi.
5. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pengurusan kenderaan konsesi Kerajaan dibuat dengan lebih teratur, PAC telah mengenal pasti lima syor untuk untuk diambil tindakan segera oleh Kerajaan:
- a. MOF perlu memasukkan penambahbaikan yang telah dikenal pasti ke dalam Perjanjian Tambahan bersama SPANCO Sdn. Bhd. agar kadar pajakan bulanan tidak dikenakan bagi mana-mana kenderaan konsesi yang telah tamat tempoh pajakan namun terpaksa terus digunakan oleh kementerian atau agensi pengguna akibat kelewatan pembekalan kenderaan baharu.
 - b. MOF perlu meminda ketetapan tempoh pembekalan 60 hari bekerja bagi penggantian kenderaan di dalam syarat kontrak sedia ada serta pekeliling semasa untuk diselaraskan dengan norma dan keupayaan sebenar industri pembuatan automotif semasa. Ia perlu mengambil kira faktor-faktor seperti perubahan varian kenderaan, tempoh pemprosesan kastam dan pendaftaran kenderaan, pemasangan peralatan operasi khusus, serta faktor geografi terutamanya bagi serahan kenderaan ke Sabah dan Sarawak bagi mengelakkan pengenaan penalti yang tidak wajar di masa hadapan.

- c. MOF perlu memastikan pelaksanaan sistem digital pemantauan *fleet* kenderaan digunakan sepenuhnya oleh semua kementerian dan agensi pengguna. Sistem ini perlu mengeluarkan amaran awal tamat tempoh pajakan kenderaan bagi memastikan permohonan pesanan kenderaan dibuat dalam tempoh yang sepatutnya.
 - d. MOF perlu menyegerakan tindakan pengauditan dan pengesahan data baki hari kelewatan pembekalan bagi semua kementerian dan agensi pengguna bagi membolehkan Surat Tuntutan Penalti rasmi dapat dikemukakan kepada syarikat konsesi secepat mungkin.
 - e. MOF dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri perlu menjalankan kajian yang komprehensif bagi meneroka keberkesanan model pengurusan alternatif seperti sistem pembekal *fleet* pelbagai (*multi-supplier fleet management*). Kajian ini hendaklah menilai potensi penjimatan kos dan kecekapan penyampaian perkhidmatan berbanding model konsesi tunggal sedia ada yang mengikat Kerajaan sehingga tahun 2037. Selain itu, Kerajaan juga perlu mempertimbangkan penyediaan opsyen model kenderaan alternatif bagi mengelakkan terjejasnya perkhidmatan sekiranya berlaku gangguan penamatan pengeluaran mengejut oleh pengilang automotif tunggal.
6. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Penyata PAC berhubung Pengurusan Kenderaan Kerajaan di bawah Perjanjian Konsesi di bawah MOF boleh memuat turun penyata berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen